



## PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN

### A. Kekosongan Jawatan:

<b>1.1 Jawatan</b>	<b>: Penolong Pegawai Tadbir</b>
(a) Taraf Jawatan	: Kontrak ( <i>Contract for Service</i> )
(b) Gred	: N29
(c) Gaji sebulan	: RM 2,253.00 ( <i>lump sum</i> )
(d) Jabatan	: Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
(e) Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
(f) Klasifikasi Perkhidmatan	: Pentadbiran dan Sokongan
(g) Kekosongan	: Perpustakaan Awam Kelantan (Kota Bharu) - 1 kekosongan

### 1.2 Syarat Iantikan

- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

<b>2.1 Jawatan</b>	<b>: Pembantu Pustakawan</b>
(a) Taraf Jawatan	: Kontrak ( <i>Contract for Service</i> )
(b) Gred	: S19
(c) Gaji sebulan	: RM 2,012.00 ( <i>lump sum</i> )
(d) Jabatan	: Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
(e) Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
(f) Klasifikasi Perkhidmatan	: Sosial
(h) Kekosongan	: Perpustakaan Awam Gua Musang - 1 kekosongan Perpustakaan Awam Kuala Krai - 1 kekosongan

## 2.2 Syarat Lantikan

- (e) Warganegara Malaysia; dan
- (f) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (g) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (h) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## B. Cara Memohon:

- i) Permohonan hendaklah menggunakan Borang PPAK 1/2012 yang boleh didapati di Laman Web Rasmi Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan.
- ii) Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan gambar ukuran passport, salinan kad pengenalan/ surat beranak, sijil berhenti sekolah, sijil persekolahan dan dokumen-dokumen lain berkaitan yang telah di sahkan.
- iii) Permohonan yang tidak mengikut peraturan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

### **C. Alamat Permohonan**

Permohonan hendaklah sampai ke alamat berikut:

YABrs. Pengarah  
Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan  
Jalan Padang Perdana, Off Jalan Mahmood  
15572 Kota Bharu Kelantan

**D. Tarikh Tutup Permohonan : 17 Februari 2022**

### **E. Perkara Am:**

- i) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- iii) Pihak Perbadanan tidak akan melayan sebarang tuntutan perbelanjaan berkaitan urusan temu duga.

**Pengarah  
Perbadanan Perpustakaan Awam  
Kelantan**

**Bertarikh : 1 Rejab 1443H bersamaan 3 Februari 2022M**